PANDUAN PELANTIKAN DAN PEMBERIAN KUASA MEMFAIL SECARA ELEKTRONIK KEPADA EJEN CUKAI

HASiL ingin memaklumkan bahawa berkuatkuasa **1 Januari 2027**, pembayar cukai yang ingin melantik ejen cukai dikehendaki untuk membuat pelantikan dan pemberian kuasa kepada ejen cukai secara dalam talian melalui MyTax bagi membolehkan ejen cukai menfailkan atau melaksanakan transaksi percukaian secara elektronik bagi pihak pembayar cukai. Lantikan tersebut juga membenarkan ejen cukai untuk urusan fizikal di kaunter/pejabat HASiL atau berunding dengan pegawai HASiL bagi pihak pelanggan. Berikutan ketetapan baharu ini, berkuatkuasa pada tarikh yang sama, kaedah pemberian kuasa secara manual kepada ejen cukai melalui Borang CP55 adalah dibatalkan.


Berikutan itu, sekiranya pihak tuan ingin menggunakan khidmat ejen cukai bagi mengendalikan urusan percukaian bagi pihak tuan, lantikan ejen cukai melalui MyTax perlu dilakukan mengikut panduan di bawah:

Penting!
Hubungi dan sahkan maklumat ejen cukai yang ingin dilantik. Dapatkan maklumat **Nama Firma, TIN Firma, Nama Ejen Cukai** daripada firma ejen cukai berlesen pilihan anda.

Pastikan ejen cukai yang hendak dilantik adalah ejen cukai yang berlesen dengan Kementerian Kewangan dan telah mengaktifkan peranan sebagai ejen cukai dalam Sistem e-Filing Ejen Cukai (TAeF) di Portal MyTax.




1



1 Log masuk ke MyTax

- Tukar kepada peranan MyTax yang betul (mengikut kategori pembayar cukai, ie. Individu/Pengarah/Pentadbir Organisasi)
- Klik ikon profil



2


3

4

2 Pada menu Profil

- Klik tab **Lantikan Ejen Cukai**

3 Pada Tab Lantikan Ejen Cukai
masukkan TIN Firma dan pilih Ejen Cukai yang ingin dilantik.



4 Baca dan fahamkan terma lantikan dan pemberikan kuasa yang dipaparkan sebelum menekan butang "Hantar" untuk menuruskan lantikan.

5 Selepas lantikan diterima, lantikan ejen cukai boleh disemak semula dari semasa ke semasa dan pembatalan lantikan perlu dilakukan di MyTax sekiranya perkhidmatan ejen cukai ditamatkan.

1.Lantikan ejen cukai yang dilakukan tertakluk kepada penerimaan lantikan oleh ejen cukai yang dipilih.
2.Mulai **2 November 2026**, pembayar cukai dibenarkan melantik **maksimum dua (2)** orang ejen cukai dalam satu-satu masa sahaja sama ada dari firma yang sama atau firma yang berbeza.

MEMACU EKOSISTEM CUKAI PINTAR

HASiL